

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 29

Di bawah ialah baki-baki yang diperoleh daripada buku-buku perakaunan Perniagaan Halim pada 31 Januari 2017:

	RM
Bangunan kedai	82,000
Kelengkapan	14,340
Inventori	8,770
Akaun belum terima	3,100
Bank overdraf	1,250
Tunai runcit	60
Modal	92,640
Akaun belum bayar	4,380
Pinjaman	10,000

Perniagaan ini melakukan semua pembayaran secara cek dan semua penerimaan dibankkan. Urus-urus niaga berikut telah berlaku dalam bulan Februari 2017:

- (i) Mengeluarkan cek RM240 untuk dana tunai runcit.
- (ii) Menjual secara kredit barang niaga berharga kos RM1,200 pada harga jualan RM1,800.
- (iii) Membayar seorang akaun belum bayar sebanyak RM820 untuk menjelaskan hutangnya berjumlah RM950.
- (iv) Pemilik membawa masuk wang tunai sebanyak RM10,000 sebagai modal tambahan.
- (v) Hutang seorang akaun belum terima yang muflis telah dihapuskan RM420.
- (vi) Pulangan belian kepada pembekal RM180.
- (vii) Menjual barang niaga yang berkos RM930 secara tunai pada harga RM1,650. Pemilik telah membankkan RM650 dan bakinya telah digunakan untuk membayar insurans pendidikan anak-anaknya.
- (viii) Membayar balik separuh daripada jumlah pinjaman bersamaan dengan faedah RM5,250.
- (ix) Menjual sebuah alat hawa dingin lama secara cek RM350. Nilai bukunya ialah RM460.
- (x) Membayar gaji pembantu kedai RM500.
- (xi) Menjelaskan semua hutang akaun belum bayar dan terima diskaun sebanyak 10%.
- (xii) Pembayaran untuk belanja runcit yang dilakukan oleh kerani dana tunai runcit dalam bulan Februari 2017 ialah RM276

Dikehendaki:

- (a) Merekodkan urus niaga di atas dalam jadual dengan format berikut:

ASET							LIABILITI		EKUITI PEMILIK	
Urus niaga	Bangunan	Kelengkapan	Inventori	Akaun belum terima	Bank	Tunai Runcit	Akaun belum bayar	Pinjaman	Modal	Untung bersih
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki awal										
(i)										
(ii)										
(iii)										
(iv)										
(v)										
(vi)										
(vii)										
(viii)										
(ix)										
(x)										
(xi)										
(xii)										
Baki akhir										

- (b) Sediakan penyata kedudukan kewangan pada 28 Februari 2017